



Perkhidmatan perlombongan, bangunan dan tenaga, perlindungan pengguna dan peraturan

LEMBARAN FAKTA

Disediakan oleh Department of Mines, Industry Regulation and Safety (dahulu Department of Mines and Petroleum, dan Department of Commerce)

Peraturan Industri, Perlindungan Pengguna dan Peraturan Keselamatan di Wilayah Lautan Hindi

Department of Mines, Industry Regulation and Safety menyediakan perkhidmatan berikut bagi pihak Kerajaan Australia:

- Peraturan Sumber dan Persekitaran – Bertanggungjawab terhadap Perkhidmatan Hak Milik Mineral, Perkhidmatan Royalti dan Pengurusan Persekitaran.
- Peraturan Industri dan Perlindungan Pengguna – yang menggabungkan:
 - bahagian Building and Energy – Bertanggungjawab bagi peraturan berkaitan bangunan, mengecat, ukur bangunan dan perkhidmatan paip, serta penggunaan elektrik dan gas secara selamat; dan
 - Perlindungan Pengguna – Bertanggungjawab bagi perdagangan adil, hak pengguna, undang-undang penjualan dan penyewaan harta, beberapa lesen pekerjaan, koperasi, dan perundangan badan tidak mengambil untung.
- Peraturan Keselamatan – yang menggabungkan:
 - WorkSafe – Mempromosikan dan memastikan keselamatan dan kesihatan orang yang bekerja; dan
 - Keselamatan Perlombongan – Keselamatan Perlombongan dan Barangan Berbahaya.

Apakah ertinya bagi saya?

Department of Mines, Industry Regulation and Safety bekerjasama dengan anda untuk memastikan piawai keselamatan dan perlindungan yang tinggi bagi majikan, pekerja dan pengguna.

Sebagai anggota masyarakat, memastikan bangunan yang anda masuki dan elektrik dan gas yang anda gunakan memenuhi piawai yang tinggi, mengurangkan risiko kecederaan kepada anda sekeluarga. Memastikan tukang yang anda gunakan harus berlesen atau berdaftar dan layak untuk menjalankan kerja yang diupah oleh anda. Memastikan sistem yang teguh untuk mentadbir tenemen perlombongan dan rejim yang wajar untuk memastikan kepatuhan terhadap kewajipan tenemen perlombongan. Memastikan komuniti menerima pulangan yang wajar hasil pembangunan sumber mineral dan petroleum. Memastikan kepatuhan persekitaran diuruskan dengan baik sepanjang operasi perlombongan. Memastikan komuniti dilindungi melalui penggunaan barangan berbahaya secara selamat.

Sebagai pengguna atau penjual barangan dan perkhidmatan, anda dilindungi secara automatik di bawah jaminan pengguna yang tertentu apabila membeli, menyewa beli atau menyewa barang (selamat, tahan lama, tiada kecacatan, kualiti yang baik, dan berfungsi seperti yang didakwa). Penyedia perkhidmatan mesti bertindak dengan cermat dan mahir. Mereka yang menyewa harta benda boleh mengharapkan keperluan tertentu dipenuhi. Sebagai pengguna, anda boleh membuat aduan apabila mengenal pasti sesuatu amalan tidak adil; aduan anda akan disiasat.

Sebagai seorang pekerja, anda dilindungi di tempat kerja. Anda juga berkewajipan di bawah undang-undang keselamatan tempat kerja untuk bekerja dengan selamat dan melaporkan bahaya kepada majikan dan, dengan cara ini, menyumbang untuk keselamatan tempat kerja bagi diri anda dan orang lain. Tanggungjawab ini berkuat kuasa atas tempat kerja umum, serta tempat kerja sektor mineral dan petroleum.

Sebagai majikan, anda boleh mendapatkan penerangan bagi peranan anda dalam komuniti, memahami kewajipan anda tentang pekerja, pengguna dan juga premis anda, serta mematuhi peraturan yang berkenaan.

Kewajipan utama majikan adalah menyediakan persekitaran kerja yang selamat.



Sejumlah lesen dan permit dikeluarkan oleh Department of Mines, Industry Regulation and Safety bagi pekerjaan dan aktiviti berikut:

Peraturan Sumber dan Persekitaran: Perkhidmatan Hak Milik Mineral, perkhidmatan Royalti, dan perkhidmatan pengurusan persekitaran.

Bangunan dan Tenaga: Peraturan dan pelesenan pembina, juruukur bangunan, tukang cat, tukang paip, pekerja dan kontraktor elektrik, dan pemasang gas.

Perlindungan Pengguna: Peraturan dan pelesenan ejen jualan hartanah dan perniagaan, penilai tanah, pengurus harta benda, penjual kenderaan bermotor, jurujual dan pembaik pulih, pengutip hutang, dan ejen pekerjaan.

Peraturan Keselamatan: Peruntukan lesen kerja risiko tinggi, lesen meruntuhkan bangunan, dan lesen asbestos.

Peruntukan peraturan dan perkhidmatan kepatuhan yang berkaitan dengan keselamatan perlombongan dan pengendalian barangan berbahaya.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut

Cara menghubungi	Butir-butir hubungan
Mines and Petroleum	08 9222 3333
Building and Energy	1300 48 90 99
Consumer Protection	1300 30 40 54
Safety Regulation - WorkSafe	1300 30 78 77
Safety Regulation Resources Safety	08 9358 8002
Talian Laporan Kemalangan atau Insiden (Building and Energy dan WorkSafe)	1800 678 198 (24 jam)
E-mel	online@dmirs.wa.gov.au
Laman web	www.dmirs.wa.gov.au